



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 - 8891 5003  
Faksimili : 03 - 8891 5558

---

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 8(34)

Tarikh : 11 November 2018

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2018**

---

***GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK (MAKANAN,  
BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) DI PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN***

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pemakaian **Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Di Pihak Berkuasa Tempatan.**

## **LATAR BELAKANG**

2. Penyediaan **Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Di Pihak Berkuasa Tempatan** adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada **11 Julai 2018** dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-72 yang bersidang pada **6 September 2018** telah menimbang dan bersetuju dengan pemakaian garis panduan tersebut oleh PBN dan PBT.

### **GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK (MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

3. Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Di Pihak Berkuasa Tempatan ini terpakai sebagai rujukan kepada PBT untuk merancang keperluan pengurusan perniagaan trak bergerak secara holistik seperti penyediaan lokasi perniagaan, jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan, syarat-syarat lesen/permit perniagaan dan kadar fi, masa operasi, spesifikasi kenderaan, kebersihan dan keselamatan makanan, fasiliti awam (bekalan elektrik, air dan tandas awam) dan pengurusan sisa pepejal serta pengiklanan yang mematuhi syarat-syarat PBT. Selain itu, garis panduan ini juga membolehkan PBT mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti perniagaan trak bergerak dengan lebih berkesan.

4. Garis panduan ini adalah sebagai panduan kepada PBT dan pihak-pihak berkepentingan dalam mengawal selia dan menguatkuasakan peraturan yang berkaitan dengan perniagaan trak bergerak.

5. Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) Di Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran.**

### **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **PERTANYAAN**

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:


Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA  
(u.p.: Bahagian Dasar Dan Pengurusan Strategik)  
No. Telefon : 03-8891 3100  
No. Faks : 03-8891 3093

## **PENUTUP**

8. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK )**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

11 November 2018.

s.k :

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan